

Perdana Menteri, Rosmah berlepas ke Arab Saudi
Malaysiakini.com
May 13, 2011

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berlepas ke Arab Saudi pagi ini, sebelum memulakan lawatan kerja dua hari ke Qatar pada Sabtu.

Najib yang diiringi isteri Datin Seri Rosmah Mansor, berlepas dengan pesawat rasmi kerajaan pada pukul 9.30 pagi dari pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di Subang,.

Di Arab Saudi, Najib dijadual bertemu dengan Raja Abdullah Abdul Aziz Al-Saud dan seterusnya mengerjakan umrah di Mekah sebelum berlepas ke Qatar.

Beberapa menteri kabinet antara orang kenamaan yang berada di pangkalan itu bagi mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri dan isteri.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/164034>